

PRAKTIS 3

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul dan tentukan bahawa anda telah memilih cadangan jawapan yang paling tepat.

1. I Isu penderaan kanak-kanak yang semakin berleluasa turut mendapat perhatian *badan* bukan kerajaan.
 II *Badan* bangunan lima tingkat itu tidak mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa.
 III Akibat hukuman rotan itu, *badan* adik penuh kesan berbirat.
 IV *Badan* disiplin sekolah telah mengenakan hukuman gantung sekolah kepada murid yang terlibat dalam kes buli.
 A I dan II
 B II dan III
 C I, III dan IV
 D II, III dan IV
2. I Dua batang gigi hadapan nenek telah *tanggal* akibat terjatuh semalam.
 II Pawang Aziz menyerahkan *tanggal* azimat kepada pesakit yang dirawatnya.
 III Ayah akan pulang ke kampung pada *tanggal* kelahiran ibu tidak lama lagi.
 IV Beberapa *tanggal* rambut di kebun nenek telah dimakan oleh monyet.
 A I dan II
 B II dan III
 C I dan III
 D III dan IV
3. I Badan Wani yang dulunya gempal semakin *susut* setelah disahkan menghidap penyakit kanser.
 II Wang simpanan Balqis semakin *susut* setelah enam bulan tidak memperoleh peluang pekerjaan.
 III Banjir besar mungkin tidak akan melanda negeri Pahang setelah air Sungai Pahang semakin *susut*.
 IV Pasaran saham ditutup rendah pada hari ini, setelah *susut* 5.35 mata berbanding pasaran global.
 A I, II dan III
 B I, II dan IV
 C I, III dan IV
 D II, III dan IV
4. I Ibadah puasa dapat melatih diri seseorang untuk *menahan* nafsu.
 II Askar Melayu terus *menahan* walaupun tentera Jepun menyerang bertubi-tubi.
 III Pihak polis telah *menahan* reman tiga orang pemuda yang disyaki terlibat dalam kes samun semalam.
 IV Penduduk Kampung Rumbia menggunakan guni yang berisi pasir untuk *menahan* ombak daripada menghakis pantai.
 A I, II dan III
 B I, II dan IV
 C I, III dan IV
 D II, III dan IV

5. I Setiap filem yang berkualiti biasanya memaparkan *pengajaran* menarik kepada penonton.
 II Ainun dikenakan hukuman rotan oleh ayahnya sebagai *pengajaran* atas sikapnya yang melawan guru.
 III Cikgu Syafiq sentiasa mewujudkan proses *pengajaran* yang menarik dan berkesan di dalam kelas.
 IV Segala *pengajaran* yang dicurahkan oleh jurulatihnya sentiasa diikuti oleh atlet bontot jauh itu.
- A I, II dan III
 B I, II dan IV
 C I, III dan IV
 D II, III dan IV
6. I Cikgu Jamil meminta Dina *mengecap* beberapa orang murid yang cuba membulinya semalam.
 II Kerja-kerja *mengecap* batik di kilang tersebut menggunakan teknologi terkini.
 III Korea Utara *mengecap* beberapa buah negara di Asia Tenggara sebagai musuh yang mengancam keselamatan negara mereka.
 IV Walaupun dia kelihatan hidup mewah, namun Zairi tidak pernah *mengecap* kebahagiaan dalam hidupnya.
- A I, II dan III
 B I, II dan IV
 C I, III dan IV
 D II, III dan IV
7. I Dalam pertandingan debat tersebut, Salmi berjaya *mematahkan* hujah pihak pembangkang dengan fakta-fakta yang kukuh.
 II Zurina *mematahkan* dahan pokok Meranti di hadapan rumahnya agar tidak membahayakan pengguna jalan raya yang lain.
 III Dani *mematahkan* keputusan untuk menghantar anak gadisnya belajar di luar negara walaupun tidak memperoleh biasiswa.
 IV Pemain hoki itu telah dikenakan kad merah kerana cuba *mematahkan* kaki pihak lawan.
- A I dan II
 B II dan III
 C I dan III
 D III dan IV
8. I Rumah peninggalan nenek yang *terbiar* itu telah ditumbuhi semak-samun.
 II Rancangan Said untuk menziarahi datuknya *terbiar* kerana hujan lebat.
 III Sejak kematian ibu bapanya, anak yatim piatu itu *terbiar* seorang diri.
 IV Sudah berbulan-bulan datuk *terbiar* di hospital kerana tekanan darah tinggi.
- A I dan II
 B II dan III
 C I dan III
 D III dan IV